

**NO SOALAN :64****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah-jumlah secara terperinci yang telah dibayar sebagai 'CASH PAYMENT' kepada Sabah dan Sarawak daripada tahun 2008 hingga ke tahun 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disalurkan secara pemberian tunai kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk bayaran Pemberian-Pemberian telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara. Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pemberian</b>	
	<b>Sabah (RM)</b>	<b>Sarawak (RM)</b>
<b>2008</b>	723,566,768	661,513,927
<b>2009</b>	714,155,615	733,046,726
<b>2010</b>	798,327,068	800,577,233
<b>2011</b>	855,473,596	884,357,056
<b>2012</b>	893,062,699	930,398,081
<b>2013</b>	996,818,096	1,094,536,599
<b>2014</b>	1,051,019,326	1,147,630,083
<b>2015</b>	1,098,080,460	1,163,043,193
<b>2016</b>	1,086,260,027	1,159,277,479
<b>JUMLAH</b>	<b>8,216,763,654</b>	<b>8,574,380,378</b>

**SOALAN NO: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]  
TARIKH : 26 JULAI 2017  
SOALAN : 65**

**YB Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah nilai anggaran ubat-ubatan yang telah dibazirkan sejak 2014 hingga Januari 2017 serta apakah langkah proaktif Kementerian dalam mengatasi masalah pembaziran ubat-ubatan disebabkan kurangnya kefahaman serta pengetahuan mengenai ubat yang diambil di klinik mahupun hospital Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Program Pemulangan Ubat di semua fasiliti KKM dengan tujuan untuk membantu para pesakit melupuskan ubat-ubatan yang telah luput atau tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan selamat demi menjaga alam sekitar. Antara sebab-sebab yang dikenalpasti menyumbang kepada ubat-ubatan yang luput/ tidak terpakai ini adalah lambakan ubat yang disimpan di rumah, pesakit tidak patuh (*compliant*) kepada rawatan ubat serta kematian pesakit.

Anggaran kos ubat-ubatan yang dipulangkan pesakit untuk dilupuskan adalah sebanyak 0.006% daripada ubat-ubatan yang telah dibekalkan KKM. Antara ubat-ubatan yang sering dipulangkan para pesakit adalah ubat yang digunakan untuk merawat penyakit-penyakit kronik seperti penyakit darah tinggi, kencing manis serta kolestrol tinggi.

Untuk makluman pihak KKM tidak menggunakan semula ubat-ubatan yang telah dipulangkan pesakit setelah ianya dibekalkan kepada pesakit. Ini kerana kualiti ubat-ubatan tersebut tidak dapat dipastikan kerana bergantung kepada keadaan penyimpanan ubat semasa di rumah pesakit. Selain itu juga, pihak *World Health Organization* (WHO) juga menyarankan agar ubat yang telah dipulangkan tidak digunakan untuk pesakit lain memandangkan kualiti dan keberkesanan ubat yang dipulangkan tidak dapat dijamin. Amalan ini juga dipraktiskan di negara luar yang turut melaksanakan program pemulangan ubat ke farmasi seperti Australia dan United Kingdom.

Antara langkah proaktif yang diambil pihak Kementerian dalam mengatasi perkara ini adalah:

- i. Menggalakkan pesakit membawa baki ubat sewaktu mengambil ubat. Ubat akan dibekalkan secara *top-up* daripada baki ubat pesakit sedia ada
- ii. Merujuk pesakit untuk sesi kaunseling bersama pegawai farmasi bagi mengenalpasti punca pesakit mengambil ubat yang telah dipreskrib sekiranya didapati pesakit mempunyai banyak baki bekalan ubat
- iii. Mengadakan Program *Patient's Own Medication* (POMs) bagi pesakit yang dimasukkan wad diminta bawa ubat sedia ada dari rumah. Sekiranya pesakit memerlukan ubat yang sama semasa

di wad, ubat pesakit sendiri akan diguna terlebih dahulu dan bekalan akan ditambah balik mengikut keperluan semasa discaj.

- iv. Menghadkan bekalan ubat susulan pesakit untuk tempoh satu bulan.
- v. Meningkatkan pendidikan pesakit supaya mereka secara proaktif akan maklumkan kepada doktor ataupun pihak farmasi sekiranya bekalan ubat masih mencukupi ataupun ubat tidak diguna atas sebab-sebab tertentu supaya tindakan yang wajar dapat diambil.

**SOALAN ( 66 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 JULAI 2017  
[ RABU ]**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
[CHERAS]**

**SOALAN :**

**YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan perbezaan dan ketidakseimbangan pendapatan semasa di negara kita. Apakah impak GST dan pelaksanaan cukai-cukai baru serta kenaikan pelbagai caj perkhidmatan awam yang lain yang memburukkan lagi jurang perbezaan pendapatan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014, keseimbangan pendapatan isi rumah secara keseluruhan didapati telah bertambah baik. Ini dapat dilihat daripada indikator-indikator berikut:

- **Pekali Gini** keseluruhan, yang berasaskan pendapatan kasar isi rumah, telah berkurang daripada 0.441 pada 2009 kepada 0.401 pada 2014. Pengurangan Pekali Gini daripada sebelumnya bermaksud semakin kurang ketidaksamaan pendapatan atau agihan pendapatan menjadi semakin seimbang. Tren yang sama dapat dilihat pada Pekali Gini bagi strata (bandar dan luar bandar) dan secara umum di peringkat negeri;
- **nisbah ketidaksamaan pendapatan** antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20) dan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menurun daripada 6.9 kali ganda pada tahun 2009 kepada 5.6 kali ganda pada tahun 2014. Tren yang sama juga dapat dilihat di antara kaum-kaum utama

(Melayu, Cina dan India), strata dan secara umum di peringkat negeri; dan

- **syer pendapatan** isi rumah B40 kepada jumlah pendapatan meningkat daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 16.5% pada tahun 2014.

Keseimbangan pendapatan yang lebih baik juga sebenarnya digambarkan melalui insiden kemiskinan mutlak yang semakin mengecil, iaitu daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada hanya 0.6 peratus pada 2014.

Merujuk kepada GST, dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menjalankan Kajian Perbelanjaan Isi Rumah yang menyeluruh sebelum pelaksanaan GST bagi meneliti kesannya ke atas segenap lapisan rakyat. Kajian tersebut memberi tumpuan khusus kepada implikasi kos sara hidup bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menetap di luar bandar dan juga di bandar.

Berdasarkan data yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah membuat simulasi. Kajian tersebut menunjukkan mereka yang berpendapatan tinggi yang lazimnya



lebih banyak menggunakan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar standard 6% menanggung purata kesan tambahan perbelanjaan sara hidup yang lebih besar berbanding mereka yang berpendapatan rendah.

Kesan tambahan tersebut seterusnya dapat dikurangkan lagi setelah dibuat tambahan jenis barang yang dikenakan GST pada kadar sifar (0%). Contohnya, produk petroleum RON 95 dan LPG, semua jenis bahan bacaan, ubat-ubatan yang melibatkan 9,184 jenama serta tambahan beberapa jenis bahan makanan.

Dengan keperihatinan Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu golongan berpendapatan rendah, banyak usaha-usaha telah dijalankan, antaranya BR1M yang telah ditingkatkan jumlahnya bagi meringankan kesan tambahan perbelanjaan sara hidup. Nyatanya, pelaksanaan GST di Malaysia adalah satu langkah yang tepat demi kestabilan ekonomi dan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.

26 Julai 2017

**NO SOALAN : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 26.07.17  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan hubungan dua hala antara Malaysia dan Qatar selepas isu beberapa negara Arab memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, konflik antara Qatar dengan negara-negara jiran seperti Arab Saudi, Mesir, Bahrain dan UAE yang melanda pada 5 Jun 2017 yang lalu tidak mempunyai kesan secara langsung terhadap hubungan negara-negara tersebut dengan Malaysia.

**NO SOALAN :68****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan sistem pemantauan laporan GST yang sedang diuji oleh KASTAM bersama-sama MYEG BERHAD, apakah ciri-ciri keselamatan yang disediakan (contoh: lokasi server, jenis network yang dipakai, cara simpanan kekunci, cara penyulitan maklumat dan sebagainya) bagi memastikan keselamatan data peribadi syarikat dan adakah ianya mematuhi akta perlindungan maklumat peribadi (PDPA) di mana persetujuan jelas perlu diberi untuk sebarang pengumpulan data peribadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *GST Electronic Information*

*System* (EIS) merupakan peranti yang dipasang di setiap *Point of Sales* (POS) *System* termasuk mesin tunai (*cash register*) yang terdapat di premis perniagaan yang mana peranti ini akan merekodkan setiap transaksi jualan dan seterusnya menghantar maklumat tersebut secara atas talian (*online*) kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). EIS ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti berikut:

- Peranti EIS yang dipasang hanya boleh merekod dan menghantar maklumat ke JKDM dan seterusnya maklumat ini akan disimpan di dalam *server* yang ditempatkan di premis JKDM. Hanya pegawai JKDM tertentu sahaja yang boleh mengakses maklumat tersebut bagi tujuan semakan, pengauditan ataupun penyiasatan. Penggunaan kata laluan dan mekanisma *total access control* juga akan digunakan bagi tujuan kawalan keselamatan maklumat;
- Maklumat yang direkod dan dihantar oleh peranti ke JKDM adalah menggunakan talian komunikasi yang khusus melalui rangkaian persendirian maya (*Access Point Name*);
- Penyimpanan dan penyulitan data (*data encryption*) adalah dengan menggunakan proses pengkodan (*coding*) maklumat terkini dan dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai JKDM yang telah diberi kuasa; dan

- Peranti yang digunakan telah dilengkapi dengan aplikasi sistem dan pengenalan terminal yang selamat dari aktiviti pengklonan dan pendua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang direkod, dihantar dan disimpan di JKDM adalah bagi memenuhi keperluan pihak Kerajaan dan ianya adalah selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data 2010. Berdasarkan Seksyen 3 akta tersebut, telah dinyatakan bahawa akta tersebut tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini bermakna JKDM tidak perlu mendapat persetujuan dari mana-mana orang bagi tujuan perekodan dan penyimpanan maklumat jualan tersebut. Semua pihak yang menjalankan perniagaan dan berdaftar GST, tidak perlu khuatir akan keselamatan maklumat perniagaan mereka daripada terdedah kepada mana-mana pihak yang tidak sewajarnya. Ini kerana semua maklumat tersebut sentiasa dilindungi dan terjamin dari aspek keselamatan. Disamping itu, Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengemukaan Maklumat) 2014 juga telah diwartakan dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2017 untuk memastikan pelaksanaan EIS ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.